

UMNO dan PRU 14
Chedet.cc
2 April 2015
Tun Dr Mahathir Mohamad

1. Ramalan oleh masyarakat sekarang ialah UMNO dan BN akan kalah Pilihanraya Umum ke-14 kerana terlalu banyak tuduhan yang dibuat terhadap Najib yang tidak dijawab olehnya.
2. Ia bermula dengan kes pembunuhan Altantuya, wanita Mongolia yang terlibat dengan skandal pembelian kapal selam.
3. Dua orang anggota polis dituduh menembak mati wanita berkenaan, dibicara, didapati bersalah, kemudian didapati tidak bersalah dan dibebaskan. Kemudian dibicara semula dan dikena hukum bunuh.
4. Seorang daripada mereka berada dalam tahanan tetapi Sirul seorang lagi berada di Australia. Dia membuat kenyataan bahawa dia diarah untuk membunuh.
5. Rakyat tertanya-tanya siapa yang memberi arahan. Sebagai pengawal peribadi Dato Sri Najib, dakwaan Sirul perlu disiasat untuk menentukan siapa yang memberi arahan. Tetapi selain daripada Najib berkata Sirul “merepet”, tidak ada siasatan yang dibuat. Ini adalah nyawa manusia. Amatlah zalim jika Sirul dibunuh kerana menjalankan arahan.
6. Kemudian kes 1MDB. Tuduhan penyelewengan dalam urusan wang berbillion Ringgit oleh Jho Low telah dibuat dengan bukti-bukti yang jelas. Tuduhan ini tidak dijawab selain dari berkata ia adalah pembohongan.
7. Kononnya aset 1MDB berjumlah 52 billion sedangkan hutang hanya 42 billion. Aset tidak jadi keuntungan sebelum dijual (dicairkan). Kenapa untuk membayar faedah sebanyak 2 billion pun terpaksa hutang dari Ananda Krishnan. Kalau 1MDB tidak rugi kenapa terpaksa hutang. Kenapa wang Kerajaan sebanyak 1 billion diberi kepada 1MDB setelah hutang dibayar?
8. Kononnya wang yang disimpan di Cayman Island sudah dibawa balik. Tetapi separuh disimpan dalam bank Swiss (BSI) di Singapura. Di mana pergi separuh lagi dari 6 billion? Kenapa wang ini tidak diguna untuk bayar faedah 2 billion.
9. Kononnya disimpan di Singapura kerana Bank Negara akan menyoal simpanan lebih dari 50 juta. Jikalau duit itu duit kita yang hanya disimpan di Cayman, apa masalahnya menjelaskan kepada Bank Negara punca wang itu. Lagi pun duit ini dimiliki oleh 1MDB yang dikuasai penuh oleh Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan.

10. Soalan-soalan lain berkenaan 1MDB tidak dijawab selain daripada berkata asetnya besar. Soal harga tanah Kerajaan yang dibeli oleh 1MDB tidak dijelaskan. Sudah tentu jika dibeli dengan harga yang murah dan dinaik nilai berkali ganda, aset ini menjadi besar. Tetapi Kerajaan rugi banyak dengan tanah miliknya dijual dengan harga yang tidak mencerminkan harga pasaran.

11. US\$700 juta dibayar kepada Petro Saudi untuk apa? Sudahkah ditentukan Petro Saudi memiliki konsesi kawasan minyak dan gas di Argentina dan Turkmenistan sebelum membayar wang yang begitu banyak.

12. Jho Low dilaporkan dalam New York Times, London Times dan Sarawak Report terlibat dalam pengurusan berbillion Ringgit duit 1MDB. Siapa dia Jho Low yang begitu dipercayai oleh Dato Sri Najib. Pegawai Malaysia yang dilantik mengurus dana 1MDB mengaku mereka diarah oleh Jho Low yang mendakwa ia mendapat kepercayaan penuh dan arahan dari Dato Sri Najib.

13. Gambar-gambar Jho Low dan kelakuannya, umurnya yang amat muda serta cara hidupnya tidak menggambarkan peribadi yang menyakinkan orang ramai. Tetapi dia dilaporkan membeli rumah di New York dan Hollywood beratus juta Ringgit. Kemudian rumah-rumah ini dijual kepada anak tiri Najib dengan harga ratusan juta Ringgit bagi setiap satu kerana kononnya Jho Low telah jumpa rumah yang lebih indah di Hollywood yang harganya lebih tinggi.

14. Dari mana datangnya duit beratus juta kepada Riza Aziz tidak dapat dijelaskan. Keluarga Tun Razak termasuk Najib menafikan duit ini adalah dari keluarga. Pelaburan ratusan juta dalam filem "Wolf of Wall Street" oleh Riza datang dari mana?

15. Dan banyaklah lagi tuduhan dan soalan terhadap 1MDB yang ditubuh oleh Dato Sri Najib dan dikuasai sepenuhnya olehnya sebagai penasihat yang tidak dijelaskan dan dijawab selain dari menafi dan mendakwa semuanya bohong belaka. Laporan-laporan dalam akhbar di New York dan London amat memalukan negara.

16. Sementara itu, walaupun Kerajaan menghadapi kekurangan wang yang besar dan terpaksa hutang, Dato Sri Najib sebagai Perdana Menteri membeli sebuah lagi pesawat mewah. Umum mengetahui pesawat ACJ319 yang sedia ada diguna bukan sahaja untuk tugas rasmi tetapi sebagai kenderaan peribadi untuk Dato Sri dan Datin Sri.

17. Dalam keadaan ekonomi tidak menentu, dalam keadaan rakyat terpaksa bayar cukai yang lebih tinggi, dalam keadaan nilai Ringgit yang menurun teruk, dalam keadaan kos sara hidup meningkat dan rakyat dilanda banjir dan kehilangan ratusan juta Ringgit, Kerajaan membazirkan wang ratusan juta untuk pesawat mewah walaupun sudah ada pesawat-pesawat milik Kerajaan.

18. Cara pembelian tidak dapat menyembunyi bahawa akhirnya Kerajaan terpaksa menanggung beban pembelian ini. Jika syarikat bukan Kerajaan yang secara rasmi membeli, bayaran melalui lease (sewa) lebih tinggi daripada belian secara langsung kerana terpaksa memberi keuntungan kepada pemilik dan faedah yang dimasukkan.

19. Selain daripada ini dasar-dasar pemerintahan Dato Sri Najib terhad kepada pemberian wang percuma, menimbul kemarahan orang Melayu dengan mengeneipkan Dasar Ekonomi Baru kerana ingin mendapat sokongan orang Cina. Namun penolakan BN dalam PRU 13 membuktikan orang Cina tolak pemerintahan Najib.

20. Sesungguhnya rakyat, baik Melayu, Cina, India atau suku kaum Sabah dan Sarawak sudah tidak percaya lagi kepada Dato Sri Najib. Ahli UMNO dan pemimpinnya perlu sedar bahawa UMNO dan dengan itu BN akan kalah jika Dato Sri Najib memimpin UMNO hingga PRU 14. Apabila UMNO kalah, orang Melayu akan kutuk kepimpinan yang menjadikan parti keramat ini begitu lemah sehingga ditolak oleh bangsa Melayu sendiri. Sekali UMNO kalah, ia tidak akan dapat dipulih semula.

21. Ramai juga ahli dan pemimpin UMNO yang setia secara buta tuli kepada pemimpin. Saya juga setia tetapi kesetiaan saya ialah kepada parti dan orang Melayu yang diwakili olehnya. Bukanlah mudah bagi saya menulis blog ini. Tetapi demi bangsa dan Negara saya terpaksa dedah semua ini.

22. Saya belum nyanyok walaupun umur hampir 90 tahun. Sesiapa yang berkata saya nyanyok sebenarnya menipu diri.

23. Melayu hanya akan selamat jika bersikap bangsa lebih utama daripada diri sendiri.

UMNO

SHARE THIS [TWITTER](#) [FACEBOOK](#) [DELICIOUS](#) [STUMBLEUPON](#) [E-MAIL](#) 

← *Kuan Yew and I*

TIDAK WAJAR MINTA TOLONG DR MAHATHIR →

105 Comments

1. ***anti-jibaok***

April 12, 2015 at 4:47 PM | [Permalink](#)

Kalau masih ada sesiapa yang 'blur' atau kabur dan kurang memahami tentang isu 1MDB yang akhir-akhir ini telah digembar-gemburkan oleh YBhg. Tun Dr. Mahathir..., maka sila lihat dan tonton video YouTube di bawah ini:-

https://www.youtube.com/watch?v=xz8GIDEq_cY

(Wacana Akhbar Sinar Harian – Siri Ke-35: Apa Disebalik 1MDB..?)

Dalam isu tersebut, walaupun berpuluh-puluhan tahun saya tidak pernah setuju dan tidak pernah mengundi pihak Parti Pembangkang..., namun demikian buat kali saya amat bersetuju tentang betapa bahayanya hutang yang telah terkumpul oleh 1MDB kepada negara kita Malaysia..., sebagaimana yang dibangkitkan oleh wakil puak parti pembangkang iaitu YB Rafizi Ramli (PKR).

Lihatlah juga gelagat bangang oleh salah seorang penalist/pembicara dan 'belukang/pecacai' 1MDB (Dato' Khairul) yang telah memperbodohkan diri beliau sendiri dalam wacana/bicara tersebut.

Beliau seolah orang yang hendak menegak benang yang basah atau hendak berjimak juga walaupun sudah mati pucuk. Kalau nak menegak benang maka tunggulah benang tu dah kering barulah tegakkan berdiri..., atau kalau nak berjimak juga maka berusaha dan pergilah berubat/urut batin dan sebagainya kalau nak jadi 'pakaian' yang baik buat isteri.

Pendek kata..., mereka yang menyokong 1MDB seolah hendak menggali kubur mereka sendiri. Kalau hendak menggali kubur sendiri jugak..., maka teruskanlah..! Tapi jangalah nak heret orang ramai sama-sama masuk kubur mereka. Apa hal..!?

Wassalam.

2.

tunMalwaysremembered

April 11, 2015 at 11:54 AM | [Permalink](#)

Dear Tun,

Even though Tun, you are almost 90 years old, you have proven that you alert and very much current on our country affairs.

I am so glad that Tun has always, despite the odds, stood for what is right for us Malaysians.

Carry on Tun to put forth whatever issues that may need to be ironed out. You are our beacon of hope and we will continue to support you.

3. ***firmanshah***

April 10, 2015 at 6:07 AM | [Permalink](#)

salam Tun..

ramai menteri sibuk di kaca tv nyatakan sokongan kepada PM
ada yg kata masa zaman tun pun ada isu yg tidak “berjawab”..

Tun..

ada yg berkata beri peluang pd najib buktikan kebolehan..
dr 2009 smpai sekarang tak kan dalam phase warm up lagi..
mcm2 scandal di tempis tanpa sebarang jawapan..
rakyat bercakap n kritik silap2 masuk lokap..

Tun..

at least mcm2 tun buat maju kan negara..
najib? mcm2 dia buat juga.. permata, lmdb,gst,brim,
golf, and etc..

may ALLAH bless u TUN..

wassalam

4. ***fendy1988***

April 7, 2015 at 7:22 PM | [Permalink](#)

Thank u so much our beloved Tun for revealing all these truths.. Sebak hati & sedih bila lihat pentadbiran Najib sekarg ni. kalau dulu, saya amat menghormatinya sbgai seorg PM yang berkaliber.. Terus trg saya katakan, jikalau Najib terus memrintah, percayalah yg Malaysia ni, X akan diperintah oleh BN lagi as everybody knows what’s going on surround them. Sedangkan ramai rakan2 yang berkata PRU selepas ini kemungkinan besar mereka tidak akan mengundi

dan juga akan membuat undi rosak. Atas sebab ape? Tiada langsung pemimpin yg boleh dipercayai.. Rakyat tidak perlukan Br1m semata-mata tanpa mempedulikan cara menangani kos sara hidup yg tinggi... Ape sumbangan nya terhadap kerajaan dan rakyat? Apa yang nampak hanyalah untuk dirinya sahaja.. Sedihnya bila melihat bayangan umno dan BN akan tumbang pada next PRU...

Kami sokong dan akan terus menyokong Tun dalam hal ni.. Teruskan beri komen yang membina Tun sehinggalah keadaan kembali sedia kala..

Lebih baik bertindak skrg dr kita menerima kesannya kelak..

We love You Tun M...

5. ***HBT456***

April 7, 2015 at 2:22 PM | [Permalink](#)

penang, melaka dan labuan can be another singapore? No way sir. umno just have to admit that they cant tolerate other races and religions when come general election time. merge with pas and tell the world umno and pas want this country to be an islam country as simpld as that.

6. ***HBT456***

April 7, 2015 at 1:43 PM | [Permalink](#)

the mistakes done by tun dr mm is the worst among all pm.

Liow, dont talk, take the gut to clear mca from supporting bn. From there, dap, supp, gerakan, mic and other component minority parties in sabah and sarawak will follow. This is the only way to save umno and malaysia from being declare as an islamic country.

Biadap atau tidak, truth can never be denied.

I am here to find the truth, I am not here to merepek.

7. *CKS2015*

April 7, 2015 at 10:38 AM | [Permalink](#)

Tun,

Kalau orang biasa seperti kami menyuarakan perkara seperti yang Tun suarakan ini, dah lama dah kami masuk 'jail'. Inilah hakikatnya. Baru beberapa hari lalu saya mendengar pemimpin JASA mengatakan yang suara Tun iini membawa padah kepada kepimpinan Dato' Najib. Ada dia mengatakan yang wujudnya negara-negara yang mana kerajaannya jatuh disebabkan tidak mengawal suara hati rakyat yang kononnya memburuk-burukkan kerajaan. Inilah negara kita, Tun. Kalau kita buat kritikan kepada kerajaan, HASUTAN-lah namanya, SEDITIOUS dalam Bahasa Inggeris. Dan kita tahu akibatnya, masuk 'jail'-lah itu. Harap-harap Tun tidak kena masuk 'jail'.

Sekian, terima kasih.

8. *azlan95*

April 7, 2015 at 10:07 AM | [Permalink](#)

Whether Jho Low or Muthusamy it makes no difference. There have been thousands who have made millions doing business with the government. And there are thousands who are currently making millions as we speak, and there will be thousands others who will make their millions through the government business channel.

Azlan

KL

9. *farz*

April 7, 2015 at 9:48 AM | [Permalink](#)

Tun,

Assalamualaikum. Thank you for your enlightenment. Bermasalah sungguh negara kita untuk mencari pengganti Tun. Si Pak Lah jenis yang tak buat apa- apa untuk kemajuan dan pembangunan negara dengan membiarkan kerajaan ditadbir secara 'auto pilot' dan membatalkan perancangan Tun kerana mungkin dirasakan sukar. DSN pula terlebih buat dengan membuat perancangan dan pelaksanaan yang salah. Kedua dua menggambarkan ciri ciri pemimpin yang salah apabila memegang jawatan PM. Walau apapun kata-kata penentang Tun, saya tetap akan berdiri dibelakang Tun dan menyokong Tun seratus peratus. Saya harap Tun telah menyediakan perancangan pengganti DSN walaupun saya tahu bahawa Tun sudah tidak berkuasa lagi kerana saya faham pengaruh Tun masih kuat di kalangan rakyat Malaysia.

Semoga Allah swt memanjangkan umur Tun berdua dan mengurniakan kesihatan yang sempurna. Aamiin. Teruskan perjuangan.

10. [bourne007](#)

April 7, 2015 at 9:16 AM | [Permalink](#)

Selamat Hari Isnin Ayahda & Bonda,

Saya menabung sejak kecil untuk beli cincin berlian impian saya, namun apabila melihat kesusahan rakyat pantai timur kehilangan rumah sebagai tempat berlindung akibat dipukul ombak banjir, saya rasa hiba dan insaf. Saya tidak jadi beli cincin berlian tersebut, Che Puan LeBiUuu

Terkini : TPPA atau Trans Pacific Partnership Agreement akan menjadi duri dalam daging kepada rakyat malaysia.

Episod PM Malaysia bermain wayang kulit dengan rakyat akan didedah secara eksklusif oleh Mister Julian Assange & Wikileaks.

[Rahsia TPPA didedahkan](#)

11. [yuzi](#)

April 7, 2015 at 8:46 AM | [Permalink](#)

Salam Tun M,

Saya memohon dan merayu agar Tun sentiasa mendengar rintihan rakyat marhaem malaysia tetapi bukan terpengaruh dengan rayuan kebanyakan posting yang ada ini. Saya berharap Tun dapat selesaikan perkara ini dengan sebaik mungkin tanpa public canning if possible. Tun manusia hebat yang saya percaya mampu untuk mencari solusi terbaik. Smooth transition is the best transition sepertimana yang berlaku dengan Pak Lah dulu.

ada kemungkinan bloggers yg ada ini cube nak memecahbelahkan keluarga umno yang Tun sgt sayangi. mohon jasa baik Tun untuk pertimbangkan rayuan saya ini, memandangkan terlalu banyak komen yang dilontarkan terlalu manis di dengar yet itulah racun sebenar.

semoga Tun n keluarga sentiasa dirahmati Nya dan sentiasa sihat hingga ke akhirnya. Amin.

p/s if possible plz keep this for your own eyes only. tq

12. *Reentry Capsule*

April 7, 2015 at 6:21 AM | [Permalink](#)

► Merasa denyut nadi rakyat.PtuiiiiHHHH....!!!!

► Gambaran yang diberikan oleh pemerintah mengenai situasi semasa negara kita semuanya adalah MENIPU.Negara kita sudah tenat dan akan terus lesu jika perubahan drastik tidak dilakukan dengan kadar segera.Tangan-tangan SIAL yang merosakkan negara kita dari dalam semakin rakus,berani dan bebas bermaharajalela tanpa peduli kesannya kepada rakyat kebanyakan dan negara.Mereka hanya memikirkan LOBANG PEROT dan KEPALA B#TU# mereka sendiri sahaja.Rakyat kebanyakan di bawah ni nak MAMPHOS ke nak TERTONGGENG ke pergi lantak la dengan kita.Ini tindakan yang ZALIM lagi SIAL!

► Begitu banyak skandal yang menemui jalan buntu dan tergantung.Tiada rekod di Jabatan Imigresen Malaysia.Kemungkinan besar Altantuya menggunakan payung terjun melompat dari pesawat.Kemudian bom C4 mengarahkan dirinya sendiri untuk pergi ke lokasi pendaratan dan meletopkannya.1MDB bila ditanya Ah Jib akan jadi seperti TAHI KERAS yang duduk diam MEMBATU dan MEMBISU.Kemudian menteri SOHAI nya akan menjadi wakilnya sembang serupa TAHI untung besar BILION-BILION.Dah untung nak bayar hutang pun tak lepas untung hapakejadahnya.

▶ GST,harga barang naik tak nak turun-turun.Pemantauan dan penguatkuasaan dari kerajaan lemah,semuanya jadi CELARU,KELIRU dan BERSERABUT.Sistem TAIK PALAT apa yang cuba dibawa oleh Ah Jib.Beli ubat batuk dan selsema pun kena GST.Start engine pergi kerja duduk dalam bandar sesak pun kena tol.Sebelum bayar tol jam.Lepas bayar tol jam lagi teruk.Duduklah kita terperok dalam kereta macam berok.Kalau bayar tol jalan lancar puaslah hati jugak.Menteri senang naik helikopter zussss.....zassss....zussss...zassss...udah sampei.Itu pasal ada menteri SOHAI cakap tak nak bayar tol ikut jalan yang takder tol.Mangkok Ayon.

▶ Firasat saya menyatakan negara kita berada di ambang kegelapan.Tekanan kos sara hidup yang tak pernah turun dan tak pernah stabil,kemarahan rakyat terhadap salah laku kerajaan yang berjoli katak macam duit negara itu kepala bapak mereka yang punya ditambah pula dengan skandal-skandal yang tergantung dan penuh misteri.Menteri-menteri SOHAI LOW CLASS Ah Jib berlumba-lumba untuk POPULOR bukannya untuk membela rakyat.

▶ Ah Jib Gor seperti biasa boleh saja buat dunno,buat bodoh,stay cool konon macam takder apa-apa yang berlaku tentang persepsi negatif rakyat terhadap beliau.Kali ini saya percaya TSUNAMI RAKYAT akan lebih hebat dari tahun 2008.Dulu Tsunami Rakyat BN hampir nyawa-nyawa ikan tapi kali ini BN akan terus terbenam dalam lobang kobor.Tolak tepi Hidup Melayu ke Hidup!Hidup!Hidup!ntah ke apa lagi tu sebab selama ni pun Melayu tetap terpinggir macam hidup dekat negara orang.Nak beli rumah pun tak termampu Hidup Melayu apakejadahnya.Bikin malu je lah.

▶ Apa pun kami rakyat yang dipandang HAPRAK oleh pemerintahan High Class Ah Jib tu akan terus berada dibelakang Tun M.Kami ni apa pun takder yang ada cuma semangat cintakan Agama dan Negara untuk diwarisi oleh anak cucu dan generasi kita yang seterusnya.

Demi Agama Dan Negara.

Sekian.

Terima Kasih Tun.

13.

milshah

April 7, 2015 at 12:14 AM | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun,

Ramailah di kalangan pemimpin UMNO dan BN cuba mempertahankan Datuk Seri Najib dengan mengatakan “isu-isu yang dibawa oleh Tun telah dijawab”. Mereka tidak tahu, apabila mereka berkata demikian, rakyat sedang menilai inilah pemimpin UMNO dan BN. Mereka juga cuba memikirkan sebab musabab mengapa Tun bertindak sedemikian.

Dari mereka fikir dan membuat andaian bukan-bukan mengenai Tun, bukankah lebih baik mereka fikiran isu-isu yang dibawa oleh Tun. Mengapakah isu-isu ini begitu serius sehingga Tun mengatakan jika pemimpin tidak ditukar, maka BN akan kalah?

Pada pendapat sayalah, salah satu sebab mengapa Datuk Seri Najib tidak menjawab dengan jelas mengenai isu-isu ini, adalah kerana tiada insentif untuk beliau berbuat demikian.

Dari apa yang saya baca, seluruh pemimpin-pemimpin BN dan UMNO sebulat suara menyokongnya. Mungkin atas sebab mengampu, menjaga kepentingan diri, atau sebagainya, hanya Allah yang tahu mengapa mereka bertindak demikian. Mereka mengatakan dahulu mereka menyokong 100% semasa Tun jadi PM. Jadi perkara yang sama juga diberi kepada Datuk Seri Najib.

Tapi bagaimana kalau Datuk Seri Najib buat salah, atau kesalahan yang besar, perlukah secara membuta tuli sokong 100%? Perlu diingat setiap kesilapan yang Datuk Seri Najib lakukan, yang akan terima padahnya ialah RAKYAT.

Jadi itulah ianya Tun, pada pendapat saya, selagi mana ahli-ahli UMNO, ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO, ahli-ahli parlimen BN dan pemimpin-pemimpin BN terus membenarkan, bahkan menyokong Datuk Seri Najib membuat apa sahaja, selagi itulah Najib akan terus berdiam diri.

14. *dfojaax*

April 7, 2015 at 12:11 AM | [Permalink](#)

Tun

salam sejahtera dan asalwalaikum pada kawan kawan penganut islam

Salam Khas pada Tun Dr Mahathir mohammad Dari D fojaax music Composer

saya percaya dunia akan mengenal kita pada apa yang kita bina dan bukan apa yang kita hancurkan. Musuh tak muncul begitu saja kecuali ada kesannya atau akibatnya atau dalam

bahasa tamil drogi bermaksud tikam belakang? kalau tiada sifat sifat ni pun susah juga untk mengenal yang nama baik? kan tun? hari hari baik baik baik...mesti satu hari mood tak baik tun just for some awareness i must say.

pada 6 hb april hari isnin lebih kurang selepas waktu pejabat semasa tun balik to your resident saya sedang menunggu tun untuk mendapatkan temujanji dari tun sendiri kerna untuk saya dan kita semua tau masa itu emas.saya seorang malaysian indian salute tun dan tun pun ada balas balik pada hari tersebut.sebelum datang ke resident tun say telah pergi ke pejabat tun di putra jaya untuk mendapat temu janji..dan saya diarah untuk menyiapkan surat untuk mendapat temujanji?bagaimana tun akan memilih siapa penting dan bagaimana ia penting ke tak penting pada hal ia sangat penting pada saya?sebab tun saya dah banyak menghantar surat menyurat pada dev dev terhormat dari mic ke barisan nasioanl menteri menteri semua tak seorang pun berminat.saya ada kata kata ketidak puas hati ...m.....dia macam ni selepas saya seorang individu telah bertungkus lumus tanpa mengharapkan bantuan telah saya menjalankan tanggung jawab saya pada carrier yang saya sekarang sebagai music composer? yang belum berjaya iaitu zone saya adalah Music industri.Muhammaad ali says im the greatest saya pun macam tu juga cuma nasib sendiri ni kurng dan saya boleh berjaya melalui sokongan buktinya adalah dari astrology dan saya boleh buktikan pada tun jika tun meluang masa chit chat dengan saya Tun with humble me to you tun.malaysia perlukan orang orang yang berbakat tu saja tun itu! saja.saya rasa denggi pun kita belum aada ubat hasil buatan malaysia betulkan saya tun jika my facts are wrong.saya seorang berpatriotic dan maklumat saya adalah untuk menaikkan mata wang negara malaysia .ini subjek saya untuk saya sampaikan pada tun semasa kita berjumpa? tapi saya berharap secepat cepat nya tun kerana masa itu emas.boleh tun menyokong saya menubuh kan satu idea baru didunia yang belum pernah mana mana negara buat untuk membawa tahap midle class yang kekurangan mereka hanya wang dan ini bererti kekurangan mereka yang berbakat hanya wang yang mereka mereka iaitu bermula dari saya harus dipelihara dan mengistiarkan all malaysian award or all asian award dan ini bermula dari saya Tun.pls an appointment pls. report report yng akan saya sampaikan hanya boleh faham melalui appoinment kerana saya dah jelaskn kan disini tun dan saya tak boleh memberi idea idea saya melalui surat kerana saya patah hati selepas memberi banyak surat pada menteri .Tun mungkin tun tak pernah jumpa orang macam saya pls an appoinment pls im from klang 0129073649 T.K Dari Moseskumar

15. *anti-jibaok*

YABhg. Tun Dr..,

Saya sempat tonton berita Buletin Utama TV3 jam 8:00 malam pada 6/4/2015. Maka, sempat juga saya lihat dan mendengar komen-komen dari Ketua Benchers' Club Parlimen.., iaitu YB Shahril Samad.

Bukan main lagi YB Shahril Samad tibai dan kecam Tun Dr.., lantas sekaligus merakamkan sokongan dan kesetiaan beliau bersama beberapa ahli-ahli Parlimen YB Jibaok UMNO/BN terhadap kepimpinan Perdana Menteri Dato' Seri Najib.

Apabila memberi komen beliau terlihat agak terketar-ketar bahasa, namun YB Shahril Samad ketara bermain politik bodek-membedek demi menjaga kedudukan beliau dan juga 'Status Quo'.., namun seolah lidah beliau berkata-kata sesuatu akan tetapi gerak-badan (body-language) dan hati beliau berkata lain.

YB Shahril Samad sudah lupakah bahawa 'Sifu Politik' beliau sendiri iaitu Tun Musa Hitam sejak dahulu-kala lagi pernah berkata dan menggesa supaya ahli-ahli UMNO jangan ada sikap 'Sindrom Bisu' ..!?

Maka.., apakah YB Shahril Samad kehendaki supaya Tun Dr. Mahathir supaya berdiam diri saja serta mengamalkan sikap 'Sindrom Bisu' .., walaupun terlihat dan berlaku berbagai perkara-perkara yang tidak betul & tidak kena dalam kepimpinan negara diwasa ini..?

YB Shahril Samad biarlah betul dan konsisten sikit. Yang beliau kecam dan tibai itu adalah seorang bekas pemimpin negara kita yang sangat berpengalaman, berjasa, cukup matang & 'masak' yang memahami segala 'sepak-terajang' politik di peringkat nasional mahupun diperingkat antarabangsa dan dunia. Tun Dr. Mahathir adalah juga seorang negarawan (statesman) yang amat tersohor dikaca-mata dunia. Khidmat dan jasa Tun Dr. kepada negara kita bukanlah sekadar ibarat taraf mana-mana Ketua-ketua UMNO Cawangan dalam UMNO Bahagian YB Shahril Samad. Perkara itu YB Shahril Samad ada paham tak..!?

Maka.., lebih baik sekiranya YB Shahril Samad tegur sahaja dan perbetulkan adik beliau sendiri iaitu YB Khalid Samad (atau lebih dikenali sebagai 'Khalid Gereja'). Lebih baik YB Shahril Samad fikir-fikirkan cara bagaimana UMNO nak dapatkan kembali kerusi Parlimen Shah Alam pada PRU-14 kelak yang kini berada ditangan parti pembangkang.., daripada nak melalak kosong dan kecam seorang bekas pemimpin negara kita yang cukup berjasa dan pernah menyelamatkan negara Malaysia daripada terjerumus, terperangkap dan tergedai dengan permainan para-penyangak mata-wang asing dan juga kuasa jahat Barat-keparat.

Apakah YB Shahril Samad sudah lupa semua kisah yang lampau itu..? Kalau itulah keadaannya maka YB Shahril Samad adalah juga diantara para YB Jibaok UMNO/BN yang mengidap keadaan 'Sindrom Mudah Lupa' ..!

YB Shahril Samad harus tahu membezakan antara benar-benar berjasa dalam politik atau sekadar nak 'bermain' politik. Maka, soal itu YB Shahril Samad kenalah tanyakan 'conscience' diri beliau sendiri.

Sekian..., Wassalam.

16. *mustaqimabdulrahman*

April 6, 2015 at 10:01 PM | [Permalink](#)

saya rasa we welcome differences.....in fact we hail perbezaan.....its okie for marina, myungtae, dr aznil hisham dan sesiapa untuk berbeza pendapat dengan tun dan penyokong tun.....tapi sebagai rakyat malaysia marilah kita muhasabah apakah keadaan ekonomi, taraf hidup, ringgit, peluang pekerjaan, hala tuju negara berada dalam keadaan baik....

kalau baik we have no doubt to say this is a good government...

kalau tidak baik...maka apa salahnya kita, lebih lagi tun yg bercakap dari hati rakyat untuk menyuarakannya????????

marina, myuntae dll termasuk penyokong tun sendiri boleh rasa sendiri boleh pk...mungkin untuk diri kita cukup untuk hidup dan tidak mati...untuk anak cucu kita?????????perluakah mereka bersaing dan makan gaji dengan bangladesh pula selepas ini????????

17. *mubarakchan*

April 6, 2015 at 8:24 PM | [Permalink](#)

Tun

Sorry again. There were so many innocent victims that I forgot the 16th victim who died when a stone felled on his head. This was the guy from a one year course in Cambridge and tasked to survey and evaluate the rich and bountiful assets of the Khazanah – the low hanging fruits belonging to the Rakyat

16 victims who should be alive and healthy today if we had respected our SOVEREIGNTY, NATIONAL INTEREST, SELF-ESTEEM..

18. *mubarakchan*

April 6, 2015 at 8:16 PM | [Permalink](#)

Tun

My humble apologies. There were so many victims that I made a wrong count in my record of statistics concerning the deaths and misdemeanours of the innocents since 2004.

Instead of 13 victims, there should be 15 inclusive of the two convicted but loyal civil servants. I repeat the list of those who got hit at the fringe of big Government :

1. 7 died of violent deaths.
2. 2 died of medical causes.
3. 2 to die in violence.
4. 4 got involved in the legal process due to circumstances beyond their control.

15 victims in all since 2004. If we did not ape the MONEY MONEY MONEY failed Policies of the late Ruler (1959-2015), the 15 victims would still be alive and healthy this day. And there were no DEATHS OF A LIKE MANNER BEFORE 2004 which caused much grieve and sadness amongst us all.

MALAYSIA BOLEH ! MALAYS BOLEH ! MALAYSIANS BOLEH !

19. *syamAlhajj*

April 6, 2015 at 5:41 PM | [Permalink](#)

Pemimpin sejati membela bangsa dan agama..kepentingan diri bukan didahulukan. Pemimpin yang terlanjur melakukan sepatutnya undur diri dari jawatan walaupun di no 1. Kehancuran

bermula mengikut dalil seperti isu hangat sekarang. Tun M tolonglah demi agama...bangsa dan negara Malaysia tercinta ini. Ayuhlah bersatu bangsa nusa Rumpun Melayu Islam demi ummah...insyaallah...UMNO terus maju dan tidak jatuh demi negara bangsa Melayu.

20. *sibotak*

April 6, 2015 at 5:30 PM | [Permalink](#)

Marina

Ucapan awak sungguh Biadap

Berani kerana Benar

Kalau benar tuduhan awak sila ke Depan

Badan Pencegah Rasuah Luas Terbuka

Awak dah sembahyang ke belum ?

Apa awak tak pernah lihat Tun kat Masjid atau awak yg tak pernah ke Masjid ?

21. *rafis ismail*

April 6, 2015 at 5:22 PM | [Permalink](#)

Kehadapan Ayahnda Tun yang dikasihi. Nasihat dan Amanat Ayahnda Tun akan kami jadikan panduan. Teruskan memberikan khidmat bakti kepada negara.

22. *azhan*

April 6, 2015 at 3:26 PM | [Permalink](#)

Terima kasih ayahanda Tun. Bila saya baca balik puisi dan sajak Tun semasa menjadi Presiden UMNO, saya rasa sedih. Sedih dengan keadaan UMNO sekarang di bawah pimpinan DS Najib. Benar kata Tun, [Perjuangan Kita Belum Selesai](#)

23. *teratai*

April 6, 2015 at 2:59 PM | [Permalink](#)

Salam Tun,

I agree with you, Tun

There are too many unanswered questions. Hopefully we'll get some answers.

Those who wish to read Tun's writing in English, kindly click below <http://www.translationfocus.blogspot.com>

Thank you.

24. *Al Mustakim*

April 6, 2015 at 2:53 PM | [Permalink](#)

Salam semua...

Maaf saya gunakan bahasa yg simple, bahasa org2 sekarang. Kalau tun x setuju, sila delete komen saya ni,ok tun? Bismillah...

Alahai korang, setiap pemimpin, ada kesilapan2 yg mereka lakukan. Aku bukan kata aku sokong tun atau najib. Cuma, masing2 ada salah dan silap masing2,ok? Simple. Cumanya, apa salah tun and salah najib adalah 2 perkara yg amat berbeza. Sgt2 berbeza dari pandangan org biasa mcm akulah,kan... Aku bukan org yg pandai berpolitik pun... Fikir secara rasional, salah najib terlalu bnyk kepada perkara2 yg tah hape2... Skandal seks, songlap duit, bini kacau pemerintahan and etc. Najib mcm nak tipu rakyat dgn benda2 bodoh yg ternyata nampak kebodohnya. Alahai jib, come on lah... Asik2 jawab benda2 yg subjektif. Cuba buat mcm tun, action speak lauder than word, jib...

So, terlalu bnyk benda2 yg terlalu salah yg najib buat. Tun pun ada buat salah gak. Tapi, dia cover balik dgn berjaya dan x menyusahkan rakyat dan salah tun bukan pasal skandal seks or bini shopping sakan or habiskan duit negara. Sape yg gaji basic 900 mungkin paham apa yg aku cuba sampaikan. Melayu bukan malas, melayu bukan bangsat. Cuba bagi gaji basic 1800, berebut budak2 melayu ni keje kilang, jadi cleaner pun depa sanggup. Correcy me if i am

wrong,ok?

Jadi, najib silalah jawab apa persoalan yg di kemukakan. Gentleman skit ler najib. Salah, say sorry and berundur demi bangsa melayu yg kamu kata sgt kamu cintai ini. Utk yg lain, ni pengalaman lillahitaala aku tentang tun. Pertama, masa lima langkawi tahun berapa tah aku x ingat masa aku blajar kat ittar pj, masa aku tgh setting meja makan utk dinner, dtg sorang mamat dari korea, bergaduh ngan aku sebab aku x letak presiden dia duduk makan sebelah kerusi tun. Hampir bertumbuk gak lah aku ngan mamat korea tu. Punyalah nak presiden dia duduk sbelah tun. Pergh aku kata dlm hati, style betul tun punya penangan. Kalau aku bertumbuk tadi, mau masuk lokap aku... Siot hehehe...

Yg kedua, aku jumpa sorang org turki. Sembang punya sembang, skali dia tanya aku mcm mane nak jumpa tun? Aku kata, manalah aku nak tau... Alih2 aku kena maki hamun... Rupanya dia dtg malaysia sebab nak jumpa tun, nak tanya pendapat and mcm2 lagilah. The best part is, dia x pernah tau pasal malaysia, but dia tau tun perdana menteri malaysia... Budak2 skrg kata, wtf!!!! Tapi, ada otak, pikir sendirilah, ok? Aku berkata demi melayu, nak selamatkan melayu, syg melayu sebab aku org melayu. And tun, salah satu cita2 aku yg lahir pada tahun 1980 ni, aku kecik2 dulu cita2 aku nak jadi mahathir... Serious aku x tipu... Hehehe aku syg tun mahathir... Korang, pikir2lah sendiri... Aku syg tun mahathir and sir alex ferguson... Salam... 😊

25.

dr morsii

April 6, 2015 at 2:33 PM | [Permalink](#)

Dear Tun

Please read this article ” Altantuya – the missing link”, written by lawyer Americk .

<http://www.themalaysianinsider.com/malaysia/article/altantuya-the-missing-links>

The whole nation should read this article. I’m sure what Americk’s writing could unravel the mystery. But there must be a political will to revisit the issue.

Why must Malaysians be so naive when it comes to a big issue like this? And of course so many other issues bogging Najib. Are we so desperate to keep Najib as Umno chief. Is he indispensable when it comes to Umno politics.

We need a change of leadership in Umno/BN.

26. *suararakyat*

April 6, 2015 at 2:08 PM | [Permalink](#)

This is Corruption and spending government money without thinking. PM Najib is over budget
PM cause others to suffer.

27. *stormbringer*

April 6, 2015 at 2:08 PM | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun,

I had sensed your prediction much earlier. It's a pity the grassroots of UMNO can't correct their so-called leaders. All they can do is applause and only show steadfast support. What they don't realize is they are also a part of the charade. The Down fall of UMNO/BN is due to the inefficiency and weakness of the Majlis Tertinggi and Ketua Bahagian themselves. There is no stern action and enforcement being taken. They were silent and inactive in the face of wrongdoings by the so called leaders of UMNO and Malaysia. That's where the trust of the Rakyat was lost. The hatred of the rakyat is not in the UMNO but in the characters of the leaders. Disciplinary action were not taken and wrong doers were not brought to justice and all were hushed up. And then there were and still are illogical public statements from so called leaders who doesn't know what they are talking about and who make a mockery of themselves. These are the traits that erodes the Rakyat's respect for them. The leaders don't realize now the Rakyat says " Don't teach your Grandma how to suck eggs!" (Tun, Sorry about the language). Times have changed and the Rakyat is well educated and informed. Someone should tell them, It is from the grassroots and within the UMNO that the change should come for the betterment of Malaysia. It's this hope that gives the strength to face tommorow expecting a change.

28. *aremay30*

April 6, 2015 at 1:41 PM | [Permalink](#)

Salam Tun M,

Saya adalah seorang remaja yang berstatus warganegara Malaysia. Saya amat mengagumi Tun sewaktu zaman pemerintahan Tun Dr Mahathir. Tun telah berjaya membawa Malaysia dimata dunia dengan pembangunan yang amat pesat sehingga wujudnya Multimedia Super Corridor dan lain-lain. Bagi saya yang baru berusia setahun jagung saya telah memulakan langkah selepas tamat pengajian Diploma dari sebuah institusi pengajian tinggi dengan membangunkan social network pertama di Malaysia yang mempunyai unsur pendidikan.

Tujuan utama saya membangunkan laman social ini adalah seiring dengan peredaran masa sekarang dan wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju. EYEQUE adalah nama aplikasi yang diberi untuk pengguna lebih mengenali. <http://www.eyeque.net>. Saya amat kagum dengan cara pemikiran Tun yang jauh lebih kehadapan untuk kemajuan negara. Seperti PROTON yang dijadikan kenderaan pertama keluaran Malaysia. Tun sudah membuktikan yang kita juga mampu berdiri sama tinggi dengan negara maju yang lain.

Saya berharap dengan penghasilan EYEQUE juga mampu untuk membawa Malaysia sekali lagi berdiri sama tinggi dengan negara pengeluar Microsoft, Google, Facebook dan sebagainya. EYEQUE boleh dicapai melalui Google search engine dan sebagainya. Diharap, dengan penulisan di ruang komen ini dapat membantu saya untuk menyampaikan sesuatu kepada bekas bapa pembangunan Tun Dr Mahathir.

Salam dari saya,

Amir Al Hafiz

Co-founders of EYEQUE.

<https://www.eyeque.net>

29.

mubarakchan

April 6, 2015 at 1:24 PM | [Permalink](#)

Tun

For all those persons who thought the late Ruler (1959-2015) the best in the World, energized me to find out what made him ticked. I discovered that our beloved Malaysia practised a different political System, the Free Malaysian Style Democracy with Open Capitalistic

Characteristics as opposed to the Godless Ultra Communistic Political and Social System imposed on the citizens by Apparatchiks aka Meritocratics.

It is obvious to all that the adoption of ANYTHING WHATSOEVER from the late Ruler (1959-2015) cruel System does not fit into our truly Democratic System To say the least, it is all a sham – to get at the MONEY MONEY MONEY.

The important observation is the Godless Ultra Communistic Political and Social System or the Singapore Model or authoritarian capitalism or benign dictatorship serves ONE PERSON ONLY – the DICTATOR. And after the Dynasty fades away WHO is going to control this unfair largesse created out of the hard earned money of the citizens ? This is surely not Democratic in any sense of the word because only ONE PERSON controls the MONEY MONEY MONEY LEGALLY !

In our beloved Malaysia, we have democratically elected digits who manned the Free Malaysian Style Democracy with Open Capitalistic Characteristics. The only fault with this System is that the elected digits sometimes become recalcitrant and we lose or waste a lot of the Rakyat's money. But this System is still the best as it had been tested and found to be reliable if the right digits manned it.

HENCE IN ALL THE GREAT NATIONS OF THE WORLD THE UNITED STATES, RUSSIA, INDIA, CHINA, THE UNITED KINGDOM, FRANCE, GERMANY, JAPAN ETC put special emphasis in the creation of a holistic school system to produce enough candidates of sound mind and soul to rule their Nations. However, this does not mean that anyone who goes to these elitist Universities like Sorbonne, Ivy League, Oxbridge, Heidelberg, Tokyo, Delhi Technological, Beijing, etc are fit to rule. This is only a selection process of the very best. In fact, Oxford produced a prominent sharpster in the 1970s and Cambridge 3 traitors, Blunt, Burgess and McClean. And now we have the late Ruler (1959-2015) with his famed Cambridge credentials.

Therefore, for our beloved Malaysia to adopt the open MONEY MONEY MONEY failed Policies of a failed State which only can benefit ONE PERSON – A DICTATOR can only fail with miserable consequences for all and sundry. For us, a return to NORMALCY OR NORMALITY IS THE ANSWER from a copy-cat stance.

It is now clearly proven that the phrase Abang-Adek is a phrase to make us lose our guard and to blurr our vision by not caring for dotting the i's and crossing the t's. For this oversight, our beloved Malaysia and her Rakyat paid out in spades at the expense of our sweat and toil. And this is absurd that WE HAVE OUR MERDEKA SINCE 1957. Also, by adopting the cunning and cruel policies of dictators, we destroy what our distinguished Prime Ministers from 1957 – 2015 have given us.

MALAYSIA BOLEH ! MALAYS BOLEH ! MALAYSIANS BOLEH !

30. *zackary*

April 6, 2015 at 1:22 PM | [Permalink](#)

Salam Tun,

*I think history repeat itself. The cycle you are in today, almost similar to the cycle of PM before you. However, the pattern seems to be going down instead of going up. This is worrying us as loyal citizen to this beloved country..

*Quick fix, release Sdr Anwar and let him carry out the transformation. Let PKR lead and BN become the opposition instead in a fair & square democracy system. If they cannot deliver, let them fall in the coming General Election. Rakyat should be matured enough to choose the type of leaders they want. My wish, at some small corner inside your heart, you have a thought like this too. Please put flame to it for the benefit of Malaysia and next generation to come.

*This is just my humble opinion as 1 out of millions Malaysian Citizen.

31. *mubarakchan*

